

[Home](#) / [2025](#) / [March](#) / [UiTM Seremban 3 Jayakan Program Sustain The Shore: Clean, Recycle and Reuse](#)

SDG

07/03/2025 / DR FARAH ADILLA AB RAHMAN



Port Dickson, 11 Jan. 2025 – Pelajar Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban 3, melancarkan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bertajuk “Sustain The Shore: Clean, Recycle and Reuse” di Pantai Teluk Kemang.

Seramai 50 peserta dari pelbagai peringkat umur turut menyertai program yang dijalankan oleh empat kumpulan pelajar kursus ADM410 – Introduction to Sustainable Development ini. Bertujuan

meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pemeliharaan kebersihan pantai, program ini dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) dan SWCorp.





Aktiviti program merangkumi pembersihan pantai, senamrobik, dan sesi perkongsian kesedaran alam sekitar. Ia menekankan tiga Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), iaitu Sustainable Cities and Communities, Life Below Water, dan Life on Land.

Peserta dibimbing mengasingkan sisa dengan betul oleh SWCorp, manakala MPPD memberikan sokongan penuh dari segi penyelarasan dan logistik. Program ini bertujuan memupuk amalan kitar semula dan guna semula dalam kalangan komuniti setempat.

Menurut penganjur, program ini membuktikan bahawa kerjasama antara institusi pendidikan, kerajaan tempatan, dan komuniti dapat menghasilkan usaha pemuliharaan alam sekitar yang lebih berkesan dan berterusan.



Tags: [Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi \(FSPPP\)](#),
[UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban 3](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

UiTM Dengkil Bina Potensi Pemimpin
Pelajar SMA Nilai melalui Program
'Level-Up'

Modul UTAMA Memperkasa DNA
UiTM Pelajar UiTM Pahang

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA
(UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

